

03/07/2000

Muhyiddin yakin boleh kerjasama dengan Ghani

PONTIAN, Ahad - Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Johor, Tan Sri Muhyiddin Yassin yakin boleh bekerjasama dengan pengerusinya, Datuk Abdul Ghani Othman bagi mewujudkan satu pasukan parti yang utuh.

Beliau yang berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyifatkan kerjasama erat boleh memantapkan lagi `tiang seri' Umno di Johor.

Menurutnya, beliau tidak ada masalah mewujudkan semangat berpasukan terutama bersama Menteri Besar Johor (Abdul Ghani).

"Yang penting ialah kerja (parti) perlu diutamakan demi perpaduan parti. Setiap pemimpin ada tugas masing-masing dan seharusnya kita bergerak sebagai satu pasukan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Kesedaran Pengguna di Dewan Jubli Intan Pontian, di sini, lewat petang ini.

(END)